

11.4 Penyediaan dan Penyerahan Perakuan Kerja Tidak Siap

11.4.1 Bagi maksud mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan, satu Perakuan Kerja Tidak Siap, Borang 203X - Pin. 2/2008² (rujuk Lampiran 11B) hendaklah dikeluarkan.

11.4.2 Bagi mengelak kelambatan dalam meluluskan Perakuan Kerja Tidak Siap, beberapa peraturan asas seperti berikut mesti dipatuhi di dalam penyediaannya:

- (a) Semua butiran di dalam Perakuan hendaklah diisi dengan betul. Butiran mengenai Kontrak dan Kontraktor yang diisi ke dalam Perakuan hendaklah sama dengan yang terdapat di dalam Dokumen Kontrak. Ruangan yang disediakan untuk diisi di dalam Perakuan tidak boleh dibiarkan kosong. Tarikh Perakuan hendaklah tarikh bila Perakuan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa untuk berbuat demikian.
- (b) Tempoh perlindungan bagi polisi insurans dan juga tempoh jaminan Bon Pelaksanaan mestilah dilanjutkan sekurang-kurangnya ke tarikh jangkaan kerja siap. Sekiranya Kerajaan melanjutkan polisi insurans tersebut, kos sebenar yang terlibat hendaklah dikenakan kepada Kontraktor termasuk dan ditambah kos dalam bentuk caj ke atas kos yang terlibat (*on-cost charges*) dengan kadar sebanyak 5% sebagai kos pentadbiran Kerajaan yang terlibat.³

11.4.3 Apabila mengemukakan Perakuan Kerja Tidak Siap untuk kelulusan, butiran mengenai Kontrak dan maklumat-maklumat lain mesti disediakan di dalam borang piawai (Lampiran 11C). Sebagai tambahan, maklumat berikut mestilah juga disertakan:

- (a) Kenyataan oleh pegawai pengesyor sama ada beliau telah mengkaji keadaan bagi kes tersebut dengan mendalam dan telah menilai keupayaan Kontraktor untuk meneruskan dan menyiapkan Kerja walaupun Ganti Rugi Tertentu dikenakan kepada Kontraktor.
- (b) Huraian mengenai kemajuan Kerja yang telah dicapai oleh Kontraktor dan baki Kerja yang akan dilaksanakan dan perancangan bila dan bagaimana baki kerja tersebut boleh disiapkan.

² Surat Pekeliling KPKR Bil. 9/1977 bertarikh 2.9.77.

³ Surat Kementerian Kewangan ruj. (K&B) (8.09) 735/10/1 jld.3 (44) bertarikh 5.4.1989, dan Klausula 15.3, 17.3 dan 18.2 dan Appendix To Condition of Contract, Syarat-Syarat Kontrak JKR 203/203A (Rev.2007)